

SOALAN LAZIM

Mengenai Kenyataan Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan

di Dewan Rakyat pada 13 Februari 2025

Kerajaan umum penyelarasan harga lantai padi kepada RM1,500/MT berkuatkuasa 16 Februari 2025.

Harga Beras Putih Tempatan (BPT) juga kekal pada RM2.60/kg. Sama-sama dapat manfaat.

01 *Apakah pengumuman penting yang telah dibuat oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Dewan Rakyat pada 13 Februari 2025?*

Datuk Seri Mohamad Sabu telah mengumumkan 2 perkara penting iaitu:

- Penyelarasan Harga Lantai Belian Padi dari RM1,300 kepada RM1,500 per tan mulai **16 Februari 2025**.
- **Harga Beras Putih Tempatan (BPT) dikekalkan pada kadar RM2.60 per kilogram** melalui penyerapan sebahagian kos pengeluaran oleh Kerajaan sebanyak RM150 juta bagi mengeluarkan kira-kira 24 juta kampak BPT 10 kilogram untuk tempoh 6 bulan.



02 *Mengapa harga lantai belian padi diselaraskan kepada RM1,500 per tan metrik dan bukan RM1,800 seperti diminta pesawah?*

Kerajaan perlu mengambil kira pelbagai faktor seperti kos pengeluaran padi, pergerakan harga beras dunia, unjuran permintaan dan penawaran beras tempatan. RM1,500 per tan metrik adalah kadar yang relevan pada masa ini bagi memastikan keseimbangan antara kepentingan pesawah, pengguna, dan industri beras secara keseluruhan.

Dari semasa ke semasa, pihak Kementerian semestinya akan terus memantau dan mengkaji kesesuaian serta keperluan untuk menyelaraskan semula harga ini.

03 *Bagaimana penyelarasan harga ini dapat membantu pesawah?*

Dengan penyelarasan harga lantai belian padi kepada RM1,500 per tan metrik, pesawah akan mendapat tambahan RM200 dan ini menjadikan setiap tan metrik jualan padi, pesawah akan menerima ekurang-kurangnya RM2,000 (RM1,500 Harga Lantai + RM500 Skim Subsidi Harga Padi) memandangkan Kerajaan masih mengekalkan pemberian subsidi Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) sebanyak RM500 per tan metrik.

04 *Kenapa baru sekarang diumumkan penyelarasan ini - adakah kerana ada tekanan dari pesawah?*

Tidak benar. Pihak Kementerian melalui agensinya seperti MADA, KADA, LPP dan lain-lain lagi sentiasa bertemu dan berbincang dari semasa ke semasa berkenaan permasalahan yang dihadapi oleh para pesawah di negara ini. Penyelarasan Harga Lantai Belian Padi ini sememangnya telah termasuk dalam Reformasi Industri Padi & Beras yang sedang digerakkan oleh KPKM sejak Oktober 2024.

05 *Adakah harga Beras Putih Tempatan akan dinaikkan dalam masa terdekat?*

Tidak, Kerajaan memberi jaminan bahawa harga Beras Putih Tempatan masih dikekalkan pada RM2.60 sekilogram bagi membantu rakyat menghadapi cabaran kos sara hidup. **Apakah langkah kerajaan untuk mengekalkan Harga Beras Putih Tempatan (BPT) RM2.60 sekilogram itu?**

Kerajaan akan menyerap sebahagian kos pengeluaran sekitar RM150 juta untuk tempoh 6 bulan bagi memastikan kira-kira 24 juta kampil BPT 10 kg dapat dijual pada harga kawalan RM26.00 di pasaran.

06 *Adakah pengumuman ini akan memastikan keberadaan kembali BPT di pasaran?*

KPKM komited kira-kira 24 juta kampil 10 kg BPT akan berada di pasaran secara berperingkat dalam tempoh 6 bulan ini dalam masa terdekat.

07 *Bagaimana KPKM dapat memastikan keberadaan BPT di pasaran melalui pengumuman ini?*

KPKM sedang dalam peringkat akhir untuk melaksanakan *Sistem Trace & Tracking* semua kampil BPT di pasaran.

08 *Bagaimana kerajaan membantu pesawah dalam menangani kenaikan kos bahan api diesel?*

Kerajaan Madani juga sedang berbincang dengan pelbagai kementerian untuk memperkenalkan **kad fleet khas diesel** bagi pesawah, petani, dan peladang kecil. Pengumuman tentang perkara ini akan dibuat apabila ianya dimuktamadkan kelak.

09 *Adakah penyelarasan Harga Lantai Belian Padi ini melibatkan Sabah, Sarawak dan Labuan?*

Tidak. Penyelarasan Harga Lantai Belian Padi RM1,500/tan ini hanya untuk Semenanjung Malaysia sahaja mengambil kira faktor kos pengeluaran, produktiviti dan struktur pasaran di Sabah dan Sarawak.

10 *Bagaimana Kerajaan Madani dapat memastikan penguatkuasaan industri padi dan beras lebih cekap dan berkesan?*

KPKM sedang mengusahakan penubuhan **Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA)** untuk menggabungkan tujuh agensi penguatkuasaan dalam sektor agro makanan bagi memastikan pemantauan yang lebih berkesan. Melalui kaedah ini, kekuatan anggota penguatkuasa di bawah KPKM dapat disatukan dan digerakkan untuk menjalankan operasi khas. Di samping itu, KPKM akan meneruskan operasi bersepadu dengan jabatan dan agensi penguatkuasaan yang lain seperti KPDN, PDRM, Kastam dan lain-lain.

11 *Apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran padi di kawasan MADA?*

Projek **Pemodenan Sistem Saliran Padi di Kawasan MADA** akan membolehkan padi ditanam **lima kali dalam tempoh dua tahun**, sekali gus meningkatkan pengeluaran beras tempatan.

13 *Mengapa harga beras dunia memberi kesan kepada harga beras tempatan?*

Malaysia bergantung kepada beras import untuk memenuhi keperluan dalam negara, terutama untuk memastikan bekalan beras yang mencukupi. Sebarang perubahan harga beras dunia, ia turut memberi tekanan kepada harga beras di pasaran tempatan.

14 *Apakah langkah kerajaan dalam memastikan bekalan makanan ruji negara mencukupi?*

- Dengan mempertingkatkan **Tahap Sara Diri (SSL)** beras melalui pembukaan **jelapang padi baharu** di Sabah dan Sarawak serta memodenkan sistem pengairan di kawasan MADA dan menambah pam di kawasan KADA.
- Memperkenalkan Skim Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) melalui penggunaan teknologi terkini.
- Menggalakkan lebih ramai belia menceburi bidang ini.
- Meneruskan pemberian pelbagai jenis subsidi dan insentif kepada pesawah.

12 *Apakah cabaran utama yang dihadapi industri padi dan beras negara?*



- **Faktor Demografi Pesawah** - Majoriti pesawah terdiri daripada golongan berusia, menjadikan penerapan teknologi pertanian moden lebih mencabar.
- **Kekurangan Minat dalam Kalangan Belia** - Golongan belia kurang berminat untuk menceburi sektor pertanian, mengakibatkan kekurangan tenaga kerja muda yang berdaya saing.
- **Saiz Pegangan/Pemilikan Tanah yang Tidak Ekonomik** - Kebanyakan petani mengusahakan sawah dalam skala kecil, menyukarkan penggunaan teknologi moden dan meningkatkan kos pengeluaran.
- **Isu Tanah dan Perubahan Iklim** - Keadaan tanah yang tidak stabil seperti tanah jerlus serta kesan perubahan iklim seperti kemarau dan banjir menjejaskan hasil tanaman.
- **Kelemahan Sistem Pengairan dan Saliran** - Sistem pengairan dan saliran yang kurang cekap serta kurangnya penyelenggaraan berterusan memberi kesan kepada pengairan sawah dan produktiviti tanaman.
- **Kawalan Harga yang Ketat** - Mekanisme kawalan harga beras yang ketat menyebabkan daya tarikan sektor ini kepada syarikat besar berkurangan kerana margin keuntungan yang rendah.

Cabaran-cabaran ini memerlukan penyelesaian holistik melalui pemodenan sektor pertanian, peningkatan daya saing pesawah, serta penglibatan aktif pelbagai pihak dalam memastikan kelestarian industri padi dan beras negara.

15 PERBANDINGAN HARGA BERAS PUTIH DI NEGARA ASEAN (Februari 2025)

Negara / Harga Beras Putih (sekilogram)

 Malaysia • RM2.60	 Laos • RM3.80
 Brunei • RM2.80	 Indonesia • RM3.80
 Thailand • RM3.00	 Filipina • RM4.00
 Vietnam • RM3.20	 Singapura • RM4.60
 Cambodia • RM3.60	



Harga beras di Malaysia masih rendah berbanding kebanyakan negara ASEAN lain, terutamanya kerana **subsidi kerajaan dan dasar kawalan harga**.

JUMLAH SUBSIDI YANG DISALURKAN KEPADA PESAWAH

Belanjawan 2025, Kerajaan sediakan peruntukan sebanyak RM2.6 billion kepada pesawah dalam bentuk subsidi dan insentif.

Daripada **RM2.6 billion** tersebut:

- **RM1.38 billion** adalah subsidi input pertanian
- **RM825 juta** adalah penyediaan subsidi/insentif output pertanian
- **RM397 juta** insentif dan bantuan (anggaran subsidi RM4,302.20 setiap pesawah sehektar semusim)

JUMLAH SUBSIDI DAN INSENTIF

TAHUN 2025 : **RM2.6 billion**
TAHUN 2024 : **RM2.4 billion**
TAHUN 2023 : **RM1.9 billion**

SUBSIDI SKIM BAJA PADI KERAJAAN PERSEKUTUAN

TAHUN 2023 : **RM388 juta**
TAHUN 2024 : **RM576.29 juta**
TAHUN 2025 : **RM607.34 juta**

SKIM INSENTIF PENGELUARAN PADI

Bantuan input pertanian dalam bentuk baja tambahan, racun makhluk perosak, kerja pengkapuran dan pembajakan.

TAHUN 2023 : **RM363 juta**
TAHUN 2024 : **RM585.84 juta**
TAHUN 2025 : **RM632.29 juta**

SKIM SUBSIDI HARGA PADI

Bantuan setiap tan padi bersih

TAHUN 2019 : **RM360/tan**
TAHUN 2023 (9 Ogos) : **RM500/tan**

SUBSIDI INPUT PERTANIAN PER HEKTAR

- Purata pengeluaran 3.5 tan metrik per hektar.

1. Benih padi sah	RM 144.20
2. Baja Sebatian	RM 492.00
3. Baja Urea	RM 156.00
4. Upah Bajak	RM 100.00
5. Baja Tambahan NPK	RM 360.00
6. Racun	RM 200.00
7. Pengapuran serta Upah	RM 1,100.00
8. Subsidi Harga Padi (Output) per tan padi bersih : RM500/tan X 3.5tan	RM 1,750.00

JUMLAH SUBSIDI : RM4,302.20